



BULETIN KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 51000 KUALA LUMPUR

[EDARAN BALAMAN SAHAJA]

BIL. 01/02

01 JULAI 2002

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

KANDUNGAN

- Seminar Pengenalan Undang-Undang
- Lawatan Kerja Penasihat Agama Y.A.B Perdana Menteri
- Sukan Antara Fakulti (SUFA 2002)
- Senarai Mesyuarat
- Temuduga
- Majlis Taklimat Pelajar dan Anugerah Dekan FSK
- Lawatan Ke Parlimen Malaysia

SEMINAR PENGENALAN UNDANG- UNDANG

22 Jun 2002- Seminar sehari ini telah dianjurkan oleh Fakulti Syariah dan Kehakiman KUIM bertempat di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Dr. Abdui Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM. Seminar ini bertemakan *Pengenalan Undang- Undang Syariah kepada para pelajar Syariah dan Kehakiman*. Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan sepanjang seminar berlangsung. Antara objektif seminar ini termasuklah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar syariah mengenai ilmu perundangan, membincangkan teknik- teknik dan persediaan dalam pembelajaran undang- undang, dan mendedahkan prospek kerjaya bagi graduan Fakulti Syariah dan Kehakiman

LAWATAN KERJA PENASIHAT AGAMA Y.A.B PERDANA MENTERI KE KUIM

25 Jun 2002- Satu lawatan kerja oleh Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman, Penasihat Agama Y.A.B Perdana Menteri, Jabatan Perdana

Menteri yang dilakukan bertempat di KUIM telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi KUIM, para Dekan, Ketua- ketua Jabatan dan para pensyarah. Lawatan yang bermula pada pukul dua petang ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan yang sedia terjalin antara Pejabat Penasihat Agama Y.A.B Perdana Menteri dan KUIM. Satu taklimat khas yang menerangkan perkembangan pembangunan kampus tetap KUIM telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof Dato' Dr. Abd Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM.

SUKAN ANTARA FAKULTI (SUFA 2002)

Unit Sukan & Rekreasi (HEP) dengan kerjasama Sekretariat Sukan akan menganjurkan Sukan Antara Fakulti (SUFA 2002) bermula 29 Jun hingga 18 Ogos 2002. SUFA 2002 pada kali ini akan disertai oleh kesemua fakulti. Antara acara yang bakal dipertandingkan ialah Sepak Takraw, Ping Pong, Bola Tampar, Bola Baling, Bola Jaring, Bola Sepak dan Badminton sementara lokasi kejohanan adalah di sekitar Sekolah Menengah Pandan Indah, Sekolah Kebangsaan Taman Muda, dan di Dewan MPAJ. Kejohanan tahunan ini diadakan sebagai persediaan KUIM untuk menyertai Sukan Antara Universiti Malaysia yang dijangka berlangsung di UiTM pada Oktober ini. Kejohanan kali ini turut dimeriahkan dengan penyertaan dari kakitangan (Kelab Sukan Kakitangan).

MESYUARAT

24 Jun 2002- Mesyuarat Bendahari- Bendahari IPTA ke 26 /2002 (Bilik Mesyuarat Tingkat 15)

25 Jun 2002- Mesyuarat Pengurusan Universiti (Bilik Mesyuarat Tingkat 15)

26 Jun 2002- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUIM (Bilik Mesyuarat Tingkat 15)

27 Jun 2002- Mesyuarat Pegawai – Pegawai Kanan Universiti(Bilik Mesyuarat Tingkat 15)

TEMUDUGA

28 Jun 2002 - Temuduga untuk jawatan

- Pembantu Tadbir
- Penolong Juruaudit
- Pustakawan
- Pembantu Tadbir Kesetiausahaan

KURSUS

29 Jun 2002 – *Kursus Pemandu Berhemah*

- Bertempat di bilik latihan IT, Tingkat 15 dan penceramah dari INTAN Wilayah Selatan, Tuan Hj. Rahmat b. Md. Yusoff (Pegawai Projek Kanan)

MAJLIS TAKLIMAT PELAJAR TAHUN SATU DAN ANUGERAH DEKAN FAKULTI SYARIAH DAN KEHAKIMAN

29 Jun 2002- Satu majlis Taklimat yang melibatkan pelajar tahun satu telah diadakan di Dewan Kuliah1, Menara B, KUIM bermula pukul 09.30 pagi. Antara tujuan majlis ini diadakan ialah untuk merapatkan hubungan antara kakitangan Fakulti Syariah dan Kehakiman bersama pelajar tahun pertama, untuk menyampaikan maklumat- maklumat akademik yang berkaitan dengan pelajar, untuk memberi satu motivasi kepada para pelajar untuk mengharungi pengajian mereka selama tiga tahun akan datang di KUIM. Bersempena dengan taklimat tersebut, satu majlis penyampaian Anugerah Dekan telah berlangsung selepas taklimat tersebut selesai. Anugerah Dekan disampaikan kepada pelajar yang telah membuktikan kecemerlangan tinggi dalam bidang akademik.

LAWATAN KE PARLIMEN MALAYSIA

Lawatan anjuran Fakulti Syariah dan Kehakiman dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah dilakukan pada 17 Jun 2002 dan disertai seramai hampir 88 orang pelajar/ Antara objektif lawatan ialah untuk mendedahkan pelajar mengenai beberapa aplikasi perundangan negara yang digunapakai di Parlimen Malaysia dan mempelajari secara dekat peranan penting yang dimainkan oleh Parlimen dalam perundangan negara.